

Cagamas terbit CMTN RM1.5b


KUALA LUMPUR 20 Okt. - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd. (Cagamas), mengumumkan penerbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) tiga tahun berjumlah RM1.5 bilion.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, hasil daripada terbitan berkenaan akan digunakan bagi membiayai pembelian pinjaman daripada sistem kewangan.

Jelas beliau, terbitan yang terkini adalah mewakili terbitan bon ringgit yang tertinggi dalam sesuatu tempoh oleh syarikat dan saiz terbitan yang lebih besar turut dijangka untuk menggalakkan kecairan dalam pasaran sekunder.

Katanya, perkara itu dapat memainkan peranan dalam menyumbang secara proaktif dan positif kepada penemuan isu harga domestik yang lain di samping meningkatkan penerimaan pelabur terhadap terbitan hutang Cagamas.

“Pemain pasaran kini bimbang



dengan keadaan pasaran semasa yang semakin mencabar dengan ada di antara pemain memilih untuk tidak memasuki pasaran domestik ataupun antara-bangsa.

“Selain itu, hasil daripada penglibatan yang berterusan daripada pelabur, mereka hanya berjaya menarik bidaan yang kompetitif daripada syarikat penyedia insurans dengan tempahan yang diterima membentuk sekitar 20 peratus daripada saiz terbitan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terbitan CMTN berkenaan akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila sampai tempoh matang yang merupakan tanggungjawab tidak bercagar oleh syarikat yang mempunyai kedudukan dan taraf yang sama antara mereka berserta dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada.



CHUNG CHEE LEONG